



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **PROGRAM WANITA GIG AND BUSINESS IN TECHNOLOGY (GIG@BIT) BANTU PERTUMBUHAN EKONOMI DIGITAL DAN MEMPERLUAS PENDIGITALAN**

**KUALA LUMPUR, 25 Julai** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah memperkenalkan Program Wanita GIG *and Business In Technology* (GIG@BIT). Program telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Kuala Lumpur.

Program ini selari dengan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya semua pihak memberikan komitmen untuk mempercepat usaha pendigitalan, membangunkan bakat berkemahiran tinggi serta meningkatkan program-program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai pemangkin keupayaan inovatif dan meningkatkan bilangan modal insan berkemahiran negara.

Wanita GigaBIT ini akan memberikan fokus untuk:

- (i) Menggalakkan penglibatan tenaga kerja wanita dalam sektor ekonomi berasaskan teknologi digital;
- (ii) Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat melalui latihan berterusan, pembangunan profesional dan peningkatan kemahiran dalam teknologi serta trend digital;
- (iii) Meningkatkan literasi digital dalam kalangan wanita melalui kemahiran dan pengetahuan untuk mengoptimumkan penggunaan teknologi digital; dan
- (iv) Mendidik peserta berkaitan dengan keselamatan dalam talian.

YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri dalam ucapan perasmianya berkata program ini bertujuan untuk meningkatkan peluang dan penyertaan wanita dalam ekonomi, KPWKM memfokuskan penyediaan akses kepada latihan dan pembangunan kapasiti (*upskilling* dan *reskilling*) melalui program-program seperti Program Wanita Gigabit, Program Wanita Dinamik dan Program Penjana Wanita Bangkit Bersasar.

Seramai 350 orang peserta yang menghadiri program ini telah didedahkan dengan pelbagai kemahiran dan cara perniagaan menggunakan kemahiran digital melalui sesi ceramah yang menyentuh pelbagai aspek perniagaan atas talian. Selain itu, peserta juga diberi maklumat berkaitan platform-platform e-dagang dan pembayaran elektronik yang menyokong program dan dapat membantu merealisasikan usaha menjalankan perniagaan kepada semua golongan wanita tanpa mengira umur.

Menjadi harapan KPWKM agar Program Wanita GIG *and Business In Technology* (GIG@BIT) ini akan dapat memberikan manfaat dalam usaha untuk mncapai sasaran bagi meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita dalam bidang digital dan seterusnya memperkasakan wanita di negara ini

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
25 JULAI 2024**